

14 OCT 2003

OIC: PUTERA MAHKOTA ARAB SAUDI TIBA UNTUK LAWATAN RASMI DUA HARI

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Arab Saudi Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz tiba di Malaysia hari ini bagi melakukan lawatan rasmi dua hari dan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Ketibaan beliau di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang dekat sini disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet.

Menteri Luar Arab Saudi Putera Saud al-Faisal yang tiba dua hari lepas bagi menghadiri mesyuarat persediaan sidang kemuncak itu turut hadir.

Putera Mahkota Abdullah kemudiannya memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diketuai Mejar Saiful Bahari Zainol.

Lagu kebangsaan negara Asia Barat yang kaya dengan minyak itu dan juga "Negaraku" kemudiannya dimainkan.

Sementara itu, Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia dijadual tiba di KLIA lewat petang ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak OIC.

-- BERNAMA  
MHI MKO ROS